

TINJAUAN TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR SEMESTER SATU DIPLOMA
PENGURUSAN PELANCONGAN MENGENAI KURSUS DIPLOMA
PENGURUSAN PELANCONGAN DI POLITEKNIK JOHOR BAHRU

NUR AZUREEN BINTI JAAFAR

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 000 00077080 4

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS □

JUDUL : TINJAUAN TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR SEMESTER SATU,
DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN MENGENAI KURSUS
DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN DI POLITEKNIK JOHOR
BAHRU

SESI PENGAJIAN : 2002/2003

Saya NUR AZUREEN BINTI JAAFAR
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (4)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)



Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
NO 35, JLN SG ARA 2,
DESA SG ARA,
11900 BAYAN LEPAS
PULAU PINANG

TN HJ. JAMALUDDIN HASHIM


Tarikh: : 19 MAC 2003

Tarikh: 19 MAC 2003

- CATATAN :
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

PENGAKUAN PENYELIDIK

“Saya akui kajian yang bertajuk ‘**Tinjauan Tahap Pengetahuan Pelajar Semester Satu Diploma Pengurusan Pelancongan Mengenai Kursus Diploma Pengurusan Pelancongan di Politeknik Johor Bahru**’ adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dari ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.


Tandatangan : 

Nama Penulis : NUR AZUREEN BINTI JAAFAR

Tarikh : 26 FEBRUARI 2003

PENGAKUAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal”

Tandatangan : 
Nama Pembimbing : TN. HJ. JAMALUDDIN BIN HASHIM
Tarikh : 19 MAC 2003

DEDIKASI

Kepada yang tercinta Fadhli B. Ahmad Hamidi,
keluarga dan teman yang dikasihi.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan kertas kajian ini dalam masa yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia kertas kerja ini iaitu Tuan Haji Jamaludin Bin Hashim di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian ini berlangsung.

Terima kasih kepada responden iaitu para pelajar semester satu Diploma Pengurusan Pelancongan di Politeknik Johor Bahru di atas kesudian dan keikhlasan dalam menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan di dalam borang soal selidik.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada yang teristimewa Fadhli B. Ahmad Hamidi dan keluarga yang tersayang di atas sokongan dan dorongan yang tidak terhingga. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang telah bersama-sama ketika suka dan duka.

Sekian, terima kasih sekalung budi.

ABSTRAK

Kertas kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan pelajar mengenai kursus Diploma Pengurusan Pelancongan di Politeknik Johor Bahru. Kajian ini berdasarkan kepada permasalahan yang timbul iaitu kurangnya tahap pengetahuan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan semester satu mengenai tahap pengetahuan kursus Diploma Pengurusan Pelancongan. Kajian ini diperlukan agar tahap pengetahuan pelajar dapat ditingkatkan tentang kursus ini agar pencapaian pelajar juga dapat ditingkatkan. Ini akan memberikan keuntungan kepada pelajar itu sendiri kerana dengan adanya tahap pengetahuan tentang kursus terbabit akan memudahkan pelajar memahami pelajaran yang akan diikuti. Selain itu, kajian ini juga dapat mengkaji faktor pelajar memilih kursus pengurusan pelancongan. Bagi memastikan pelajar yang akan dikeluarkan oleh pihak politeknik mempunyai kualiti yang tinggi, maka tahap pengetahuan pelajar mengenai sektor pelancongan juga dikaji. Sebanyak 38 responden telah diambil sebagai responden dan juga merupakan populasi kepada keseluruhan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan. Hasil daripada data yang dikumpulkan pengkaji telah mengemukakan penyelesaian dan cadangan yang bersesuaian untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Hasil dapatan kajian mengenai topik ini adalah penting sebagai kegunaan ataupun rujukan kepada institusi pengajian tinggi yang menawarkan program pelancongan dan pusat kaunseling dan bimbingan kerjaya di dalam institusi tersebut dan terutamanya kepada pelajar program pelancongan yang baru mengikuti kursus pengurusan pelancongan. Mudah-mudahan hasil dapatan kajian ini akan meningkatkan tahap pengetahuan pelajar program pelancongan dan seterusnya meningkat tahap kualiti industri pelancongan di Malaysia.

ABSTRACT

This study is focusing on the 'Students' Level of Knowledge On the Diploma of Tourism Management course at Johor Bahru Polytechnic'. This research is based on the existing problem, which is the low level of knowledge among the tourism students towards the tourism management course. Hopefully, through this research the students will increase their level of knowledge about tourism management course in Polytechnic. For this research, questionnaires are being distributed to the student's of Diploma In Tourism Management in first semester. Through the gathered data, researcher is able to propose and suggest some idea and products in order to answer the research questions. The idea and product that were suggested are important for the future used among the higher learning institutions that offers tourism program. What's the most important thing is, the future students will get a better idea about tourism management course. Hopefully, through this research, it will or might help to increase the students' level of knowledge on the tourism management course, and at the same time increasing the quality level the tourism industry in Malaysia.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIA	iii
	HALAMAN DEDIKASI	iv
	HALAMAN PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENGENALAN	
	1.0 Pengenalan.	1
	1.1 Latarbelakang kajian.	3
	1.1.1 Pembangunan Sektor Pelancongan	3
	1.1.2 Pendidikan Pelancongan Secara Keseluruhan.	4
	1.1.3 Pengajian Pelancongan di Malaysia.	6
	1.2 Pernyataan masalah.	7
	1.3 Persoalan kajian	8

1.4	Objektif kajian	9
1.5	Skop kajian.	9
1.6	Batasan kajian	10
1.7	Kepentingan kajian	10
1.8	Kerangka teori penyelidikan.	11
1.9	Kerangka kajian.	13
1.10	Definisi istilah.	14
1.11	Rumusan	15

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan.	17
2.1	Perkembangan pendidikan di Malaysia.	18
2.2	Pengdefinisan pelancongan.	21
2.3	Perkembangan pendidikan pelancongan di Malaysia	22
2.4	Minat di dalam pemilihan bidang pengajian	24
2.5	Pemilihan kerjaya oleh pelajar	25
2.6	Pemasaran pendidikan	26
2.7	Rumusan	27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan.	28
3.1	Rekabentuk kajian.	29
3.2	Sample kajian / populasi	31
3.3	Instrumen Kajian	31
3.3.1	Bahagian A : Latar Belakang Responden.	33
3.3.2	Bahagian B : Tahap Pemahaman Responden Terhadap Kursus Yang Ditawarkan.	33
3.3.3	Bahagian C : Faktor-faktor Pemilihan Kursus Diploma Pengurusan Pelancongan.	34

3.3.4	Bahagian D : Tahap Pengetahuan Mengenai Sektor Pelancongan.	34
3.3.5	Bahagian E : Cadangan dan Sasaran	35
3.4	Pengumpulan data	35
3.5	Kaedah analisis data	38
3.6	Andaian	39
3.7	Limitasi	39
3.8	Kajian rintis	40
3.9	Rumusan.	42

BAB 4 ANALISIS DATA

4.0	Pengenalan.	43
4.1	Analisis bahagian A – Latar belakang responden	44
4.2	Analisis bahagian B : Tahap pengetahuan mengenai kursus Diploma Pengurusan Pelancongan.	48
4.3	Analisis bahagian C : Faktor-faktor pemilihan kursus Diploma Pengurusan Pelancongan	56
4.4	Analisis bahagian D : Tahap pengetahuan mengenai industri pelancongan di Malaysia	61
4.5	Analisis bahagian E : Cadangan dan sasaran	66
4.6	Rumusan	69

BAB 5 PERBINCANGAN

5.0	Pengenalan.	70
5.1	Perbincangan bagi tahap pengetahuan pelajar mengenai kursus Diploma Pengurusan Pelancongan di Politeknik.	71

5.2	Perbincangan bagi faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk mengikuti kursus Diploma Pengurusan Pelancongan di Politeknik Johor Bahru.	73
5.3	Perbincangan tahap pengetahuan mengenai sektor pelancongan.	74
5.4	Cadangan dan sasaran	75
5.5	Rumusan.	76
5.6	Kesimpulan	77

BAB 6 REKABENTUK PRODUK

6.0	Pengenalan	79
6.1	Latarbelakang teori penghasilan produk.	80
6.2	Objektif penghasilan produk.	81
6.3	Kronologi pembinaan produk.	82
6.4	Perisian	83
6.5	Kandungan produk	83
6.6	Sasaran produk	84
6.7	Cadangan. Ke atas produk	84
6.8	Rumusan.	85

RUJUKAN	86
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A - C	89 -115
----------------	---------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Permarkahan Item-item Skala Likert	34
3.2	Permarkahan Item-item Skala Likert	35
3.3	Pembahagian Skala Kepada Empat Kumpulan	38
3.4	Ukuran Tahap Pengetahuan	39
4.1	Taburan responden mengikut umur	44
4.2	Taburan responden mengikut jantina	45
4.3	Taburan responden mengikut taraf perkahwinan	45
4.4	Taburan responden mengikut kelayakan pendidikan.	46
4.5	Taburan responden mengikut pengalaman bekerja.	47
4.6	Pengukuran tahap pengetahuan	48
4.7	Analisis min, kekerapan dan peratusan bagi tahap pengetahuan pelajar terhadap kursus Diploma Pengurusan Pelancongan	49
4.8	Analisis min, kekerapan dan peratusan bagi kursus Diploma Pengurusan Pelancongan merupakan kursus pilihan utama pelajar.	56
4.9	Analisis min, kekerapan dan peratusan bagi peranan masyarakat setempat mempengaruhi pilihan pelajar.	57
4.10	Analisis min, kekerapan dan peratusan bagi faktor utama yang mendorong pelajar untuk mengikuti kursus ini.	58

4.11	Analisis min, kekerapan dan peratusan bagi pengetahuan pelajar tentang kursus ini membuatkan mereka berminat dengan kursus yang ditawarkan.	59
4.12	Analisis min, kekerapan dan peratusan bagi jika pelajar tidak tahu tentang kursus ini, adakah mereka berminat untuk mengikuti kursus Pengurusan Pelancongan.	60
4.13	Analisis min bagi tahap pengetahuan pelajar mengenai industri pelancongan di Malaysia.	62
4.14	Analisis min bagi keperluan maklumat mengenai kursus yang diikuti semasa di awal kemasukan pelajar di Politeknik.	67
4.15	Analisis min bagi medium maklumat yang menarik perhatian pelajar untuk mendapatkan maklumat.	68

SENARAI RAJAH

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori di dalam Pemilihan Pengajian Pelancongan	12
1.2	Kerangka kajian.	13
2.1	Sistem Pendidikan Negara	20
2.2	Program Pendidikan Pelancongan di Malaysia	23
3.1	Rekabentuk Kajian	30
3.2	Langkah-langkah penyediaan borang kaji selidik.	32
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	37
6.1	KronologiPenghasilan Produk	83

SENARAI LAMPIRAN

	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal selidik	89
B	Analisis <i>Alpha Cronbage</i>	98
C	Analisis SPSS	100

BAB I

PENGENALAN

PENGENALAN

Industri pelancongan merupakan satu industri yang baru berkembang di Malaysia jika dibandingkan dengan negara jiran yang lain seperti Negara Thai dan Singapura. Pembangunan industri pelancongan di Malaysia berkembang dengan agak perlahan kerana pada masa berkenaan, Malaysia lebih tertumpu kepada sektor pertanian dan perlombongan seperti getah, timah dan kelapa sawit. Disebabkan oleh kemerosotan permintaan sektor terbabit semasa kegawatan ekonomi yang melanda negara pada pertengahan tahun 80 an, maka kerajaan Malaysia telah mengambil langkah yang drastik untuk memajukan sektor pelancongan sebagai sebuah sektor baru yang akan dapat membantu negara di dalam memulihkan kembali kedudukan ekonomi negara. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia telah mempromosikan industri pelancongan sebagai langkah memulihkan ekonomi negara. Aktiviti promosi dan strategi pemasaran yang dilakukan oleh Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia atau lebih dikenali sebagai “*Tourism Malaysia*” telah berjaya mewujudkan kesedaran dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang terkenal (*Tourism Malaysia Marketing Plan 2001-2002*).

Pelancongan merupakan salah satu sektor yang besar dalam industri perkhidmatan negara. Sektor pelancongan juga dikatakan merupakan sebuah sektor yang berjaya dalam mengurangkan akaun defisit negara. Hal ini dapat dilakukan kerana melalui sektor pelancongan, Malaysia akan dapat menjana pertukaran wang asing yang tinggi dengan meningkatnya kedatangan pelancong asing ke dalam negara. Selain daripada itu, dengan berkembangnya sektor pelancongan ia dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Ini kerana, sektor pelancongan merupakan sebuah sektor yang luas, kerana sektor pelancongan itu sendiri terdiri daripada beberapa komponen, seperti kemudahan penginapan, pengangkutan, pusat pelancongan, dan banyak lagi. Walaupun negara kita telah berkembang maju dengan adanya penggunaan teknologi, tetapi di dalam sektor perkhidmatan penggunaan sumber manusia masih diperlukan dalam kuantiti yang tinggi (Tourism Marketing Plan 2001 – 2002).

Setelah Malaysia menjadi sebuah negara pelancongan, maka permintaan sumber manusia di dalam sektor pelancongan amat tinggi. Bagi menampung keperluan ini, maka cara yang terbaik untuk membekalkan sumber manusia ialah dengan mewujudkan satu kursus yang menjurus kepada pendidikan pelancongan. Dengan adanya kursus yang menjurus kepada kemahiran dan pengetahuan pelancongan ini, diharap ia akan dapat memberi sumber manusia yang berkemahiran dan berkelayakkan untuk menguruskan dan menjalankan operasi pelancongan dengan berkesan. Namun begitu, kursus di dalam bidang Pengurusan Pelancongan merupakan satu kursus yang baru, terutamanya di Malaysia. Oleh kerana itu, ramai pihak yang kurang peka terhadap kursus ini. Oleh yang demikian satu langkah yang berkesan perlu dilakukan supaya pekerja-pekerja yang bekerja di dalam sektor pelancongan ini akan terdiri daripada mereka yang mempunyai kemahiran yang tinggi di dalam mengendalikan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelancong.

Kursus Pengurusan Pelancongan yang pertama di Malaysia telah ditawarkan di Universiti Teknologi MARA . Oleh kerana permintaan yang amat menggalakkan daripada bidang pekerjaan dan pelajar lepasan SPM, maka lebih banyak lagi Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia menawarkan kursus Pengurusan Pelancongan, antaranya ialah Universiti Utara Malaysia, Politeknik-Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia dan beberapa Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Kursus Pengurusan Pelancongan merupakan satu kursus yang agak baru di Politeknik. Kursus ini mula ditawarkan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1998. Terdapat hanya dua buah politeknik yang menawarkan kursus Pengurusan Pelancongan iaitu Politeknik Johor Bahru yang menawarkan pengajian di peringkat diploma, dan Politeknik Shah Alam yang menawarkan pengajian di peringkat sijil. Oleh kerana, kursus ini dianggap baru di politeknik, maka kajian ini ingin mengkaji tahap pengetahuan pelajar yang mengikuti kursus Diploma Pengurusan Pelancongan terhadap kursus yang diikuti, faktor yang menyebabkan pelajar tersebut mengikuti kursus ini dan juga pengetahuan mereka terhadap industri pelancongan secara am di Malaysia.

1.1 LATARBELAKANG KAJIAN

1.1.1 Pembanguanan Sektor Pelancongan

Sektor pelancongan telah menjadi salah satu sektor yang penting di dalam pembanguanan sistem sosial dan ekonomi kebanyakan negara, termasuk juga Malaysia. Dilaporkan bahawa, sektor hospitaliti dan pelancongan membawa pendapatan yang agak besar kepada dunia, contohnya pada tahun 2001 pendapatan daripada sektor ini direkodkan sebanyak USD\$ 2.5 trillion telah diperolehi di seluruh

dunia. Sehubungan dengan itu, sebanyak 112 juta pekerja telah bekerja di sektor pelancongan sehingga pada tahun terbabit (Safiza, 2001).

Apabila melihat senario sektor pelancongan di Malaysia pula, ia merupakan sektor yang terpenting di dalam industri perkhidmatan. Oleh sebab itu, sektor pelancongan telah memainkan peranan penting di dalam mengimbangi akaun defisit negara. Melalui sektor pelancongan juga, ekonomi negara akan dapat menjana pendapatan melalui pertukaran wang asing, hasil daripada kedatangan pelancong asing ke Malaysia (Che Zaini, 1998).

Hasil daripada itu, maka keperluan tenaga pekerja di dalam sektor pelancongan ini membawa kepada terbitnya keperluan untuk mewujudkan kursus Pengurusan Pelancongan. Oleh kerana itu, Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta seharusnya mengambil peluang ini untuk menawarkan kursus Pengurusan Pelancongan yang mana akan menjadi sumber tenaga di dalam industri pelancongan tidak kira sama ada separa mahir atau mahir. Namun begitu, apa yang masih menjadi kekeliruan adalah kerana pelancongan itu sendiri terdiri daripada beberapa disiplin yang menjadikan pendidikan pelancongan sebagai kursus yang mempunyai *multi-discipline* (Tribe, 1997).

1.1.2 Pendidikan Pelancongan Secara Keseluruhan.

Segala aktiviti yang dilakukan oleh manusia itu datangnya daripada proses pembelajaran yang mereka lalui. Proses pembelajaran ini terdiri daripada pelbagai cara, seperti daripada bacaan, pemerhatian atau pun melalui pengalaman yang dilalui. Dalam perkataan lain, semua faktor yang dinyatakan adalah proses pembelajaran. Seperti yang sedia maklum bahawa, pelajaran merupakan aspek penting dalam setiap perlakuan manusia. Ini sama halnya dengan industri pelancongan, di mana dengan

adanya pendidikan atau kursus yang menjurus kepada pelancongan amat penting bagi menjamin kejayaan industri pelancongan terbabit (Jovicic, 1988).

Menurut Tribe (1997), pengajian pelancongan merupakan salah satu kursus yang sukar di definisikan. Ini sama juga halnya dengan sektor pelancongan itu sendiri yang terdiri daripada banyak komponen yang bersangkutan di antara satu sama lain. Namun begitu, ia boleh disimpulkan bahawa pengajian pelancongan terdiri daripada pelajaran yang mengandungi pelbagai disiplin, terutama daripada aspek sains sosial, yang merupakan induk di dalam pengaplikasian dan kemahiran yang diperlukan di dalam industri pelancongan.

Beliau mengatakan lagi bahawa, sepanjang dua dekad kebelakangan ini, pengajian pelancongan telah menerima banyak perubahan, sejajar dengan perkembangan industri pelancongan itu sendiri. Selain daripada itu, kepopularitian kursus ini juga telah menunjukkan peningkatan dalam bilangan pemohon. Oleh yang demikian, banyak institusi pendidikan tidak kira sama ada awam atau pun swasta banyak menawarkan kursus yang menjurus kepada bidang pelancongan. Sehingga pada hari ini terdapat lebih daripada 700 kursus hospitaliti dan pelancongan telah diwujudkan, yang menawarkan program di peringkat ijazah pertama, diploma dan persijilan, dan sebanyak 170 kursus di peringkat yang lebih tinggi.

1.1.3 Pengajian Pelancongan di Malaysia.

Malaysia merupakan salah satu negara yang mempunyai tahap pertumbuhan industri pelancongan yang tinggi. Daripada industri pelancongan ini, ia telah membantu meningkatkan hasil negara dan mewujudkan peluang pekerjaan di seluruh negara. Ini menyebabkan peningkatan di dalam permintaan pelajar untuk mengikuti kursus pelancongan meningkat.

Dari masa ke semasa, peningkatan pelajar yang mengikuti kursus pelancongan meningkat. Pendedahan dan faktor dalaman serta luaran juga telah menarik minat pelajar untuk menjadi sebahagian daripada sistem pelancongan. Faktor sebegini amat menggalakkan dan ia merupakan satu petanda yang positif kepada industri pelancongan itu sendiri. Ini adalah bahawa, dengan ramainya pelajar yang mengikuti kursus pelancongan, maka lebih ramailah sumber manusia yang dapat di keluarkan dan dapat bekerja dengan mempunyai kemahiran yang tinggi (Che Zaini, 1998).

Di Malaysia, kursus pelancongan ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Institusi Pendidikan Tinggi Awam yang menawarkan kursus ini ialah Universiti Teknologi MARA, Universiti Utara Malaysia dan Politeknik – Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia (Politeknik Johor Bahru dan Politeknik Shah Alam). Selain daripada itu, banyak Institusi Pengajian Swasta seperti Kolej Sunway, Kolej Olimpia, ITTAR dan lain-lain lagi, juga turut menawarkan kursus terbabit.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Mengikut statistik, terdapat ramai pelajar yang mengikuti kursus Pengurusan Pelancong di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Walaupun yuran yang dikenakan agak mahal, tetapi minat yang mendalam terhadap kursus yang ditawarkan, membuatkan mereka bersungguh-sungguh untuk mengikuti kursus ini. Selain daripada itu, pengetahuan pelajar-pelajar ini tentang prospek kerjaya yang akan mereka ceburi adalah tinggi. Namun begitu, hal ini amat berbeza jika dibandingkan dengan pelajar yang mengambil kursus Pengurusan Pelancongan di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang tidak mempunyai kesedaran yang kuat tentang kursus yang ditawarkan selain minat yang kurang mendalam. Hal ini berlaku kerana, pelajar kursus Pengurusan Pelancongan yang belajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam adalah mereka yang ditawarkan mengikut pencapaian keputusan SPM dan bukannya berdasarkan minat pelajar terbabit (Safiza, 2001).

Selain daripada itu, mengikut Che Zaini (1998), ramai pelajar yang mengikuti kursus Pengurusan Pelancongan tidak bekerja di dalam bidang pelancongan, tetapi mereka bekerja di sektor lain. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar graduan Pengurusan Pelancongan tidak tahu peluang-peluang pekerjaan yang menanti untuknya di dalam industri pelancongan negara. Oleh yang demikian, dilema kepada industri pelancongan kerana kekurangan pekerja mahir dan separa mahir tidak mencukupi.

Kursus Pengurusan Pelancong merupakan satu kursus yang baru di Politeknik. Pengambilan pelajar untuk satu-satu kemasukan bagi kursus ini tidaklah ramai, dimana ia hanyalah mencecah sekitar 40 orang sahaja. Namun begitu, pengambilan pelajar yang memasuki kursus ini bukanlah berpandukan minat tetapi lebih kepada kelayakan kemasukan. Oleh yang demikian, apabila seseorang pelajar itu, mengikuti sesuatu kursus bukan kerana minatnya ia akan menjadikan pelajar terbabit tidak berminat untuk belajar. Hasilnya pelajar terbabit tidak akan menjadi seorang pekerja yang berkemahiran yang tinggi (Jovicic, 1988).